

03 AUG 1996

LEAD ELEKTRIK

BEKALAN ELEKTRIK DIJANGKA PULIH SEPENUHNYA DALAM MASA SEHARI

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie malam ini berkata bekalan elektrik ke seluruh Semenanjung dijangka dapat dipulihkan sepenuhnya seawal-awalnya sehari lagi.

Moggie berkata sehingga pukul 8.45 malam ini, Tenaga Nasional telah memulihkan 100 megawatt (MW) bekalan elektrik ke stesen janakuasa di Cameron Highlands untuk membekalkan elektrik ke beberapa kawasan.

Pelabuhan Klang menerima 300 MW manakala di Temenggor, Perak (170 MW) dan Pasir Gudang (110 MW).

"Kami juga menerima bekalan elektrik dari Singapura," kata beliau kepada pemberita di ibu pejabat Tenaga Nasional di sini.

Moggie berkata gangguan bekalan berlaku pada pukul 5.17 petang tadi berpunca daripada "tripping" pada talian penghantaran di Stesen Janakuasa Paka di Terengganu, mengakibatkan 5,760 MW bekalan tenaga elektrik terputus.

Katanya, beliau telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kejadian itu dan langkah-langkah yang sedang diambil bagi memulihkan keadaan.

"Kami masih belum tahu punca kerosakan itu," kata Moggie.

Ketika ditanya sama ada ia disebabkan oleh petir atau letupan, beliau berkata beliau tidak begitu pasti.

Beliau juga berkata bahawa keutamaan diberikan kepada usaha-usaha untuk memulihkan sepenuhnya bekalan elektrik.

"Kami masih belum pasti bila bekalan elektrik akan dipulihkan sepenuhnya kerana ia mungkin akan mengambil masa. Masalah utama yang dihadapi oleh Tenaga Nasional ialah untuk menjaga keseimbangan sistem dengan betul.

"Sistem itu amat sensitif terhadap keseimbangan bekalan dan penghantaran elektrik mesti diawasi dengan cermat bagi mengelakkan daripada kejadian "tripping" sekali lagi," kata beliau.

Ketika ini, Tenaga Nasional telah menjalankan semua program kecemasannya di pusat-pusat operasinya di seluruh negara dengan semua stesen pembahagian tenaga sedang beroperasi sepenuhnya.

Beliau berkata terdapat enam pusat sedemikian -- Pasir Gudang, Melaka-Port Dickson (Wilayah Selatan), Connought Bridge-Pelabuhan Kelang-Genting Sanyen (Wilayah Tengah), Cameron Highlands, Lumut, Segari (Wilayah Perak); Temenggor, Bersia dan Perai; Paka-Kenyir (Wilayah Timur).

"Kami sedang mencuba untuk menghidupkan stesen-stesen janakuasa secara satu persatu ... di setiap wilayah itu tanpa menyambungkan mereka kepada grid kebangsaan. Kami mesti memastikan supaya penghantaran elektrik dibuat dengan stabil dan bebanannya mesti dijalankan secara berperingkat-peringkat," kata beliau.

Merujuk kepada kejadian pada tahun 1992, Moggie berkata ia mengambil masa lebih sehari untuk memulihkan sepenuhnya bekalan elektrik dan menambah kata bahawa kejadian kali ini memerlukan masa yang lebih lama untuk pulih seperti biasa.

Beliau berkata bahawa satu kajian telah dijalankan terhadap sistem bekalan elektrik selepas kejadian 1992 lalu.

"Berikutan kejadian yang terbaru ini, kami perlu menjalankan kajian sekali lagi. Saya akan mengemukakan cadangan kepada Kabinet supaya sistem yang ada sekarang dikaji semula."

"Kami akan mengambil khidmat pakar asing jika diperlukan untuk tujuan

itu," kata beliau sambil menambah kata: "Adalah mendukacitakan kejadian seperti ini berlaku."

Moggie berkata beliau telah mengarahkan pihak pengurusan Tenaga Nasional dengan diketuai oleh Pengurus Besar Kanan (Bahagian Senggaraan) Yusof Ibrahim supaya menangani perkara ini dan memastikan supaya bekalan elektrik dipulihkan seperti sedia kala secepat mungkin.

-- BERNAMA

HS SN MZ AHH